

## Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

---

**From:** Unit Komunikasi Korporat  
**Sent:** Monday, November 26, 2018 7:49 PM  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** Jadikan Kenaikan Pangkat Iltizam Untuk Bekerja Lebih Keras



**Unit Komunikasi Korporat**  
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

**Universiti Utara Malaysia**

26 NOVEMBER 2018 / 18 RABIULAWAL 1440H  
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon  
Gambar oleh: Abdul Halim Husain

### JADIKAN KENAIKAN PANGKAT ILTIZAM UNTUK BEKERJA LEBIH KERAS



**UUM ONLINE:** Staf Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dinaikkan pangkat diingatkan untuk tidak berpuas hati selepas berada di tahap tertentu sebaliknya perlu terus bekerja keras untuk membawa Universiti ke tahap lebih tinggi.


Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka perlu membuktikan kepada orang ramai bahawa universiti ini bukan sekadar tempat untuk naik pangkat sahaja tetapi harus mencurahkan bakti kepada negara, agama, bangsa dan masyarakat.

"Kita mempunyai tanggungjawab dan *stakeholder* yang sangat besar berbanding 20 atau 30 tahun lalu. Pada zaman yang sangat mencabar ini, persekitaran telah berubah, ekosistem telah berubah dan persaingan menjadi semakin sengit. Ibu bapa, graduan, masyarakat, negara dan kerajaan negeri mempunyai harapan yang tinggi kepada kita untuk membantu mereka dalam segenap aspek.

"Justeru saya berharap kenaikan pangkat ini tidak dijadikan titik untuk kita tidak mahu bekerja dengan lebih keras lagi kerana masih banyak yang kita perlu lakukan untuk universiti ini.

"Jadikan kenaikan pangkat ini sebagai iltizam untuk bekerja lebih kuat sehingga mempunyai legasi yang baik untuk anak cucu kita apabila meninggalkan universiti ini suatu hari nanti," ujar beliau pada Majlis Penyampaian Watikah Kenaikan Pangkat di Bilik Senat.

Pada majlis itu, Dr Wan Zarina Wan Mahmud dari Pusat Kesihatan Universiti yang menerima kenaikan pangkat ke Pegawai Perubatan (UD56) mengetuai senarai penerima kenaikan pangkat berkenaan, sementara 23 staf akademik menerima kenaikan pangkat ke gred DS54 (Profesor Madya) yang disampaikan oleh Naib Canselor.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.